

---

ORIGINAL ARTICLE

---



**MJSSH**  
Muslim Journal of  
Social Science and Humanities

## **ANALISIS KEPERLUAN BAHASA ARAB UNTUK PEGAWAI SHARIAH DI BANK-BANK ISLAM DI MALAYSIA: IDEA UNTUK PENDIDIKAN 4.0**

## **NEED ANALYSIS ARABIC LANGUAGE MODULE FOR SHARI 'AH OFFICERS IN ISLAMIC BANKS IN MALAYSIA: IDEAS TO ALIGN WITH EDUCATION 4.0**

**Nor Zahidah Ahmad<sup>1</sup>**

**Muhammad Anas Al Muhsin<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia /  
Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.  
Email: [zahidahahmad90@gmail.com](mailto:zahidahahmad90@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia /  
Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.  
Email: [anas@fbk.upsi.edu.my](mailto:anas@fbk.upsi.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/18>

### **Abstrak**

Muamalah dan proses jual beli amat berkait rapat dengan penggunaan laras bahasa yang betul. Oleh yang demikian kajian ini cuba untuk meneroka ciri-ciri unit akademik yang sesuai digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk pegawai shariah yang berkhidmat di bank-bank Islam di Malaysia. Data temu bual diproses dan dianalisis mengikut tema (Madison, 2005). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus bahasa Arab untuk pegawai Shariah diperlukan mengikut piawaian dan keperluan pekerjaan mereka. Penekanan terhadap kemahiran membaca dan menulis serta beberapa aspek bahasa lain dapat menjadi panduan awal kepada para pembina modul dan tenaga pengajar dalam merancang dan membina sukan kursus bahasa Arab untuk tujuan khusus yang bersesuaian dengan garis panduan Pendidikan 4.0.

**Kata kunci:** Analisis Keperluan, Bahasa Arab, Pegawai Shariah.

## Abstract

Muamalah and the process of buying and selling are closely related to the correct use of the correct language. Therefore, this study attempts to explore the features of the appropriate academic unit used in Arabic teaching and learning session for shariah officials serving in Islamic banks in Malaysia. Data interviews are processed and analyzed by “Thematic coding” by Madison (2005). The findings show that Arabic language courses for Shariah officials are needed according to their standards and job requirements. Emphasis on reading and writing skills as well as some other aspects of the language can be an early guide to module builders and trainers in designing and developing Arabic language syllabus for specific purposes to be in line with Education 4.0.

**Keywords:** Need Analysis, Arabic Language, Shariah Officer.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 4<sup>th</sup> January 2019, revised 5<sup>th</sup> February 2019, accepted 15<sup>th</sup> March 2019

## Pengenalan

Mutakhir ini, kita dapati bahawa bahasa Arab sudah semakin diterima umum, di segenap ceruk dunia. Di Malaysia khususnya, masyarakat cenderung untuk mempelajari bahasa Arab dengan matlamat dan motif yang pelbagai. Para jemaah Haji dan Umrah sebagai contoh ingin mempelajari bahasa Arab untuk memudahkan urusan ibadah mereka semasa berada di tanah suci Makkah dan Madinah, di samping membantu menghadirkan rasa khusyuk dalam beribadah dengan memahami bacaan dan zikir dalam solat (Khairun Nisaa, Nor Zahidah & Nonglaksana Kama, 2017)<sup>1</sup>. Di samping itu, golongan warga emas merupakan golongan utama yang mengikuti kelas-kelas pengajian bahasa Arab di masjid, surau, pusat pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya (Che Radiah & Masittah, 2011)<sup>2</sup>. Kebanyakan generasi emas ini mempelajari bahasa Arab dengan matlamat untuk memahami al-Quran dan hadith, secara tidak langsung dapat mempertingkatkan mutu ibadah sehariannya mereka.

Ironinya, penggunaan bahasa Arab yang meluas mencakupi hampir kesemua bidang pekerjaan profesional mencetuskan idea kepada para pakar dan tenaga pengajar dalam bidang ini dalam mengenal pasti dan meneliti aspek bahasa yang menjadi keperluan utama dalam mempelajari bahasa Arab. Di samping itu, kajian analisis keperluan dilihat mampu mengenal pasti faktor seseorang itu mempelajari bahasa tersebut serta dapat menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai untuknya.

Melihat kepada senario ini, maka suatu analisis keperluan untuk golongan ini perlu dilakukan bagi meninjau skop pembelajaran bahasa yang diperlukan dalam bidang. Che Radiah & Masittah (2011)<sup>2</sup> menyebut, persediaan dan perancangan pengajaran yang dibina harus mengambil kira kepada keperluan dan kehendak sebenar golongan tersebut. Husaini, Che Radhiah dan Nik Farhan (2015)<sup>3</sup> menegaskan prinsip atau teori pembelajaran dewasa yang melihat bahawa golongan dewasa mempunyai autoriti dalam menentukan keperluan dan kehendak pembelajaran memerlukan kepada analisis awal keperluan tersebut sebelum menjalankan sesuatu modul pembelajaran bahasa kepada mereka bagi memastikan keperluan dan kehendak ini dipenuhi.

## Sorotan Literatur

Pembinaan kurikulum bahasa untuk tujuan khusus telah dipelopori bidang bahasa Inggeris (English Specific Purposes (ESP)/ English for Academical Purposes (EAP). Seawal tahun 1960 -an sehingga 1970 -an Lekatompessy (2010)<sup>4</sup> melaporkan bahawa analisis keperluan telah mula diperkenalkan dalam pengajaran bahasa melalui pergerakan ESP. Kepentingan menjalankan analisis keperluan kepada kumpulan sasaran telah diiktiraf oleh para sarjana seperti Dudley-Evans & St. John (1998)<sup>5</sup>; Hutchinson, & Waters (1987)<sup>6</sup>; Munby (1978)<sup>7</sup>. Proses ini dilaksanakan sebelum mereka dan membina sebuah kurikulum ESP/EAP.

Perbincangan mengenai kesepaduan aspek fisiologi, psikologi, situasi kehidupan, latar belakang dan pengalaman pelajar dengan teori pembelajaran dewasa (andragogi) perlu dititikberatkan dalam pembangunan modul pembelajaran. Teori ini menjadi tunggak utama dalam membina program pembelajaran berkesan kepada golongan ini. Aspek tersebut perlu diberi perhatian demi mencapai matlamat dan objektif pembelajaran sepertimana yang dihasratkan (Che Radiah & Masittah, 2011)<sup>2</sup>.

Aspek keperluan pelajar menjadi tunjang utama dalam kajian-kajian ilmiah bahasa untuk tujuan khusus (Language for Specific Purposes (LSP)). Elemen ini juga selaras dengan idea Pendidikan 4.0 yang meletakkan pelajar antara penyumbang dalam pembinaan dan pembangunan kurikulum. Pelajar menjadi keutamaan dalam merangka dan menyusun sebarang pembaharuan dan kemaskini yang perlu dilakukan terhadap kurikulum abad 21. Segala pendapat, cadangan, idea, dan pilihan mereka juga dipertimbangkan dalam memastikan kandungan kurikulum sentiasa diperbaharui dan kontemporari (Anealka, 2018)<sup>8</sup>. Penekanan terhadap penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), tugas yang lebih bersifatkan praktikal atau '*hands-on*', dan guru sebagai fasilitator atau pemudah cara antara komponen yang digariskan dalam Pendidikan 4.0.

Nadwah Daud (1998)<sup>9</sup>; Shafee-i Saleemin (1999)<sup>10</sup>; Najmiah Hashim (2009)<sup>11</sup>; Nor Zahidah Ahmad (2017)<sup>12</sup> pula menegaskan bahawa kebergantungan kepada teks asli dalam pengajaran bahasa Arab dan pembinaan sesuatu modul atau unit akademik untuk tujuan khas

lebih berkualiti daripada kebergantungan kepada teks mudah dan ringkas. Bahan pengajaran autentik yang digunakan dalam pengajaran LSP dilihat mampu memberikan manfaat kepada para pelajar, bersumberkan kebanjiran maklumat yang boleh dicapai melalui pelbagai sumber terutamanya internet dan sosial media dalam menghadapi era Revolusi Industri (IR4.0).

Menurut Balič (2009)<sup>13</sup> mentakrifkan ‘*authentic language*’ sebagai ‘penggunaan bahasa yang sebenar’ dan tidak dicipta dengan tujuan mengajar bahasa dalam minda. Bentuk bahan autentik ini terbahagi kepada tiga jenis: 1) bahan-bahan audio seperti program TV, radio, perjumpaan, ceramah, pengumuman di lapangan terbang dan kedai dan sebagainya, 2) bahan visual (fotografi, lukisan, gambar dari majalah, matawang, setem dan sebagainya), 3) bahan cetak (surat khabar, lirik lagu, menu makanan, papan tanda jalan, label produk makanan, majalah, risalah maklumat pelancongan, katalog universiti, kad ucapan, surat-menyurat, emel dan sebagainya).

Pembinaan aktiviti dan tugas yang melibatkan bahan autentik ini menjadi satu platform untuk mencungkil kreativiti guru dalam menyediakan bahan pengajaran yang efektif dan berkesan (Jasna, 2014). Penggunaan bahan autentik memberikan merit dan kelebihan kepada pelajar dalam proses pembelajaran. Pendedahan terhadap bahasa sebenar (*real language*) dari segi percakapan dan aplikasi dalam komuniti bahasa sasaran, oleh penutur asli bahasa tersebut.

*“The benefit learners get from working with authentic materials is being exposed to the real language as it is spoken and used in the target language community, by the native speakers of the language”*  
(Jasna, 2014 dalam Balič, 2009: 3)<sup>13</sup>.

Hal ini kerana membuka peluang kepada para pelajar untuk berhadapan dengan situasi dan cabaran sebenar dalam bidang pengkhususan mereka. Selain itu ianya juga boleh dianggap sebagai persediaan awal sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Kajian ini di jalankan untuk mencapai objektif yang disasarkan sebagaimana berikut:

- 1- Menganalisis keperluan unit pembelajaran yang sesuai untuk pegawai Shariah di bank- bank Islam di Malaysia.
- 2- Mengenal pasti ciri-ciri unit pembelajaran yang sesuai untuk pegawai Shariah di bank-bank Islam di Malaysia.

## Metodologi

### i. Sampel kajian dan pengumpulan data

Kajian ini hanya melibatkan responden dari Asean Finance Bank dan Bank Rakyat Head Quarters, Kuala Lumpur. Mereka merupakan pegawai-pegawai Shariah yang berkhidmat di bank-bank berkenaan. Jumlah responden yang terlibat ialah seramai empat orang dan kesemuanya ialah lelaki. Hal ini kerana pegawai-pegawai yang berkhidmat di Asean Finance Bank sebagai contoh kesemua adalah lelaki manakala wakil dari jabatan Shariah Bank Rakyat yang terlibat juga adalah lelaki. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa struktur dalam proses pengumpulan data dengan melihat kepada kesesuaian latar belakang kajian yang bersifat kualitatif. Teknik temu bual dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan cara paling sesuai untuk mengutip dan mengumpul data dalam kajian kualitatif (Marshall dan Rosman, 1995)<sup>14</sup>. Rasional daripada pernyataan tersebut kerana melalui kaedah temu bual akan membantu pengkaji memperoleh data yang tepat, terperinci dan dipercayai. Tambahan pula, responden yang dipilih merupakan golongan sasaran kajian (purposive sampling) dan jumlah mereka terhad. Bilangan responden yang sedikit dibenarkan kerana jumlah responden tidak begitu dititikberatkan dalam kajian kualitatif (Creswell, 2010)<sup>15</sup>. Mereka juga mampu memberi input dan maklumat yang diingini dalam penghasilan bahan pengajaran ekslusif dan khusus untuk bidang pekerjaan mereka.

### ii. Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian semasa ialah item temubual itu sendiri yang mewakili soalan-soalan yang akan diajukan kepada responden. Temu bual separa struktur telah diaplikasikan dalam kajian ini. Soalan –soalan yang dibentuk tidak ditentukan dengan pilihan jawapan yang tertentu. Justeru ianya memberi peluang kepada responden untuk mengemukakan pendapat mereka secara peribadi. Pembinaan soalan temu bual pula berkonsepkan terbuka namun isi kandungannya tertakluk kepada objektif yang telah ditetapkan (Abu A'lam, 2007)<sup>16</sup>. Item temu bual dibina berdasarkan kepada prinsip atau model keperluan yang dirangka oleh Hutchinson dan Waters (1987)<sup>6</sup>. Di samping itu, kajian juga menggunakan perakam suara digital untuk merakam aktiviti temu bual bagi melancarkan proses mengutip data. Proses transkripsi dan data yang diperoleh hanya akan dianalisis berdasarkan temu bual yang dijalankan berpandukan kepada soalan-soalan yang telah dibina berdasarkan objektif kajian

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Jadual 1

#### *Profil Responden kajian*

Bil	Jantina	Umur	Tempoh perkhidmatan	Tahap bahasa Arab
1.	Lelaki	23	4-5 bulan	sederhana tinggi
2.	Lelaki	23	4-5 bulan	sederhana tinggi
3.	Lelaki	28	4 tahun	sederhana tinggi
4.	Lelaki	34	3 tahun	sederhana tinggi

Jadual 1 di atas menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada empat orang lelaki yang mempunyai tahap bahasa Arab yang sama. Dua responden merupakan '*fresh graduates*' manakala dua orang yang berbaki telah mempunyai pengalaman yang agak luas dalam industri perbankan Islam. Jantina dan purata umur bukan elemen utama dalam kajian ini. Manakala dari segi pengkategorian tahap berbahasa pula, ianya didasari dengan berpandukan penelitian pengkaji terhadap aspek latar belakang pengajian, pengalaman dan pandangan responden sendiri.

### Jadual 2

#### *Ciri-Ciri Isi Kandungan Unit Akademik*

#### **Ciri-Ciri Isi Kandungan Unit Akademik yang Dicadangkan oleh Responden**

- 1- Senarai Istilah Khas dalam Bidang Operasi Perbankan
- 2- Perbualan Ringkas
- 3- Perbualan Rasmi dan Bukan Rasmi
- 4- Istilah Ekonomi
- 5- Perbendaharaan Kata Bahasa yang khusus/ Gaya Bahasa Khas
- 6- Tatabahasa Arab ringkas
- 7- Teks ekonomi dan perbankan
- 8- Terjemahan
- 9- Penulisan
- 10- Pembacaan

Jadual 2 menunjukkan senarai isi kandungan bahasa yang perlu dimuatkan dalam pembinaan modul bahasa Arab untuk pegawai Shariah. Penterjemahan sebagai contoh kerap digunakan oleh pegawai yang berkhidmat di bank antarabangsa. Kemahiran ini sering kali digunakan apabila berurus dengan pegawai luar dan penyediaan dokumen tertentu seperti minit mesyuarat dan emel. Begitu juga dengan perbualan ringkas secara rasmi dan tidak rasmi.

Elemen-elemen ini dilihat penting dalam memastikan segala urusan berkaitan bank berjalan dengan lancar.

### Jadual 3


#### *Kemahiran Bahasa*

- 
- 1- Kemahiran menulis dan membaca
  - 2- Kemahiran menulis dan membaca
  - 3- Kemahiran membaca dan mendengar
  - 4- Kemahiran membaca dan mendengar
- 

Jadual 3 menunjukkan tahap kepentingan menguasai empat kemahiran utama dalam bahasa Arab mengikut pandangan responden. Secara amnya, kesemua responden bersetuju dalam kepentingan menguasai kesemua kemahiran utama iaitu membaca, menulis, bertutur, dan mendengar. Namun begitu terdapat kemahiran yang perlu diberi perhatian khusus ketika menyediakan modul dan bahan PdP. Menurut responden pertama dan kedua, kemahiran menulis dan membaca perlu dikuasai oleh para pegawai Shariah khususnya mereka yang berkhidmat dalam sektor bank antarabangsa di samping pengetahuan asas dalam bertutur.

Hal ini merujuk kepada penyediaan dokumen, surat-menjurat, kekerapan pegawai berurus dengan para sarjana Arab dan simposium yang dihadiri oleh wakil-wakil bank dari Negara-negara Arab. Responden ketiga dan keempat pula berbeza pandangan dalam menentukan tahap kepentingan kemahiran bahasa. Mereka lebih memberi fokus terhadap kemahiran membaca dan mendengar. Justifikasi yang dikemukakan dari konteks keperluan pegawai shariah yang berkhidmat di bank-bank tempatan iaitu bank yang bertapak dalam negara seperti Bank Rakyat, dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Secara tuntasnya, senarai susunan empat kemahiran bahasa utama ini juga bergantung kepada jenis bank atau tempat perkhidmatan pegawai. Bank cawangan antarabangsa seperti Asean Finance bank (AFB), dan Kuwait Finance House (KFH) lebih memerlukan penguasaan kemahiran menulis dan membaca. Manakala bank tempatan lebih tertumpu kepada kemahiran membaca dan mendengar.



*Rajah 1.* Cadangan kandungan modul kursus pengajaran bahasa Arab untuk Kewangan Islam.

Hasil daripada perekodan siri temubual yang dijalankan ke atas empat orang pegawai Shariah di dua buah bank Islam di Malaysia; Asean Finance Bank (mewakili bank antarabangsa) dan Bank Rakyat (mewakili bank tempatan). Berikut merupakan idea utama yang telah diutarakan oleh responden yang terlibat:

1. Rata-rata responden berpendapat bahawa kajian pembangunan unit akademik khusus untuk pekerja dalam sektor kewangan Islam atau bank secara khususnya yang

mengeluarkan produk-produk yang bercirikan Islam adalah satu usaha yang hebat. Mereka juga menyatakan pendirian yang memberangsangkan terhadap kepentingan menyediakan buku atau modul khas untuk pekerja yang berkhidmat dalam bidang ini. Terdapat juga pandangan yang diutarakan oleh pegawai shariah mengenai kepentingan diwujudkan laman web yang dapat dimanfaatkan oleh para pekerja sektor perbankan yang berkait rapat dengan sistem dan peraturan kewangan dan perbankan Islam.

2. Responden merasakan bahawa bahasa Arab dan perbankan Islam mempunyai satu hubungan yang kuat antara satu sama lain. Secara peribadi mereka merasakan kemampuan berbahasa Arab akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan mutu yang dipamerkan. Ia juga mampu memudahkan dan melancarkan gerak kerja para pegawai.
3. Memperkenalkan program/kursus jangka masa pendek (short course) sebagai inisiatif untuk menggalakkan para pegawai Shariah memberikan komitmen dalam pembelajaran bahasa Arab.
4. Keperluan kepada bahasa Arab lebih tertumpu kepada aspek kosa kata dan istilah kewangan dan perbankan. Hal ini jelas menunjukkan keperluan kumpulan target (pegawai Shariah) dalam memahami dan menguasai senarai istilah yang berkaitan dengan perbankan. Mereka turut menegaskan pengetahuan yang betul dan mendalam dalam aspek ini dapat membantu mereka dalam mengatasi masalah dan cabaran bahasa Arab dalam tempoh perkhidmatan.
5. Penggunaan dan pemilihan bahan pengajaran autentik seperti video dilihat relevan dengan latar belakang demografi pegawai (umur, tahap bahasa, keluarga), selain kesibukan tugas hakiki dan tanggungjawab utama dalam skop kerja masing-masing.
6. Responden juga mencadangkan kajian ilmiah juga dijalankan terhadap keperluan pembelajaran bahasa Arab kepada golongan *frontliners* di setiap bank Islam di Malaysia. Hal ini berikutan fungsi dan tugas penting mereka yang merupakan barisan hadapan yang mewakili pihak bank dalam melakukan sebarang urusan dengan pelanggan.
7. Selain itu, penggunaan bahasa Arab juga berkait rapat dengan tempat khidmat seseorang pegawai Shariah. Asean Finance Bank (AFB) sebagai contoh merupakan antara bank antarabangsa yang membuka cawangannya di Malaysia. Kemahiran berbahasa Arab amat dituntut kepada setiap pegawai Shariah khususnya berikutan skop kerja yang banyak berurusan dengan bank luar negara serta sarjana dan wakil Arab sendiri.

## Cadangan

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, pengkaji menggariskan beberapa cadangan untuk skop kajian yang boleh dijalankan pada masa akan datang:

1. Kajian ini boleh ditambah baik dengan menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif, kerana ia melibatkan bilangan responden yang lebih ramai. Responden juga boleh dipilih daripada pelbagai bank Islam di Malaysia, serta pada masa yang sama boleh menjalankan jalinan kolaborasi bersama pakar dalam pengajaran bahasa Arab dan Kewangan Islam. Rentetan itu, hasil kajian mungkin dapat diperbaiki dalam bentuk yang lebih baik dan lebih tepat.
2. Meningkatkan usaha dalam merancang dan melaksanakan siri modul, silibus, dan penulisan manual dan buku yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab untuk Kewangan Islam. Elemen pengajaran berdasarkan ciri-ciri Pendidikan 4.0 haruslah diterapkan dalam menghasilkan pelajar yang berdaya saing dan berkebolehan dalam bidang yang diceburi.
3. Galakan dan usaha berterusan dari pelbagai institusi pengajian, terhadap penghasilan produk dan bahan rujukan dalam bentuk cetakan dan elektronik seperti *e-dictionary*, dan *mobile apps* khususnya dalam bidang kewangan dan perbankan Islam. Kumpulan target ialah pekerja yang berkhidmat dalam sektor kewangan Islam (seperti *fontliners*) di negara bukan Arab.

## Kesimpulan

1. Istilah khas yang berkaitan dengan bidang ekonomi dan perbankan Islam khususnya haruslah dititikberatkan dalam pembinaan sesuatu modul atau pemilihan bahan pengajaran.
2. Kemahiran bertutur dalam bahasa Arab merupakan satu bonus bagi pegawai yang berkhidmat di bank-bank Islam antarabangsa cawangan Malaysia di samping penguasaan mereka dalam tiga kemahiran bahasa utama yang lain.
3. Pelajar lepasan Timur Tengah mempunyai kelebihan dalam aspek istilah, kosa kata, dan gaya bahasa yang digunakan dalam kewangan dan perbankan Islam. Namun begitu, ia tidak menjamin tahap penguasaan bahasa yang efektif melainkan dengan motivasi dan sikap pelajar terhadap sesi pembelajaran.
4. Pembinaan kurikulum yang menyeluruh dari segi kesesuaian kandungan modul dengan keperluan dan minat pelajar, pedagogi yang kreatif dan inovatif bercirikan mesra pelajar,

dan struktur pengurusan pendidikan yang seiring dengan kehendak dan keperluan semasa Pendidikan 4.0.

## Rujukan

1. Khairun Nisaa Mohd., Nor Zahidah Ahmad., & Nonglaksana Kama. (2017). Kajian kes keperluan Bahasa Arab dalam kalangan jemaah Haji dan Umrah Malaysia dari sudut pandang Mutawwif-Mutawwif syarikat Andalusia. *International Journal of Religious Research in Education (IJRRE)*, 1(1), 34-40.
2. Che Radiah Mezah., & Raja Masittah, R. A. (2011). Pengajaran Bahasa Arab warga emas U3A Serdang: Satu kajian penerokaan. Dalam: *Enhancing Islamic & Arabic Language Education Through Quality Research*. Assosiation of Malaysian Muslim Intelectuals. Seri Kembangan, Selangor.
3. Husaini Kasran., Che Radiah Mezah., & Nik Farhan Mustapha. (2015). Analisis keperluan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan warga emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2, 101-115.
4. Lekatompessy, F. M. (2010). *Needs Analysis in Curriculum Development*. Accessed from <https://upipasca.wordpress.com/2010/02/19/needs-analysis-in-curriculum-development/>
5. Dudley-Evans, T., & St. John, M. J. (1998). *Developments in ESP: A multidisciplinary approach*. Cambridge, England: Cambridge University Press.
6. Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). *Needs analysis. English for specific purposes: A Learning Centred Approach*. England: Cambridge University Press.
7. Munby, J. (1978). *Communicative Syllabus Design*. Cambridge, England: Cambridge University Press.
8. Anealka Aziz Husin. (2018). Education 4.0 Made Simple: Ideas for teaching. *International Journal of Education & Literary Studies*. Accessed from [www.ijeals.aiac.org.au](http://www.ijeals.aiac.org.au)
9. Nadwah Daud. (1998). *Ta'lim al-Lughah al-A'rabiyyah li Aghrad I'lmiyyah: Binaa Wihdaat Dirasiyyah li Ta'lim al-A'rabiyyah li al-Mutakhossisin fi al-Fiqh*. Tesis Ijazah Sarjana (Tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
10. Salimiin, Shafi'e. (1999). *Tasmim Wihdaat Qiraiyyah li Tadris al-adi'yyah al-Quraniyyah wa an-Nabawiyyah li al-Mustawa al-Mutawassit*. Tesis Ijazah Sarjana (Tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
11. Najmiah Hashim. (2009). *Ta'lim al-A'rabiyyah li Aghrad Khassah: Duruus li al-Mutakhossisin fi Majal al-Iqtisad*. Tesis Ijazah Sarjana (Tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
12. Nor Zahidah Ahmad. (2017). *Wihdaat Dirasiyyah Muqtarahah li Ta'lim al-A'rabiyyah li Muwazzafi as-Shari 'ah fi al-Bunuk al-Islamiyyah fi Maliziyya*. Tesis Ijazah Sarjana (Tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
13. Balič, Tina (2009). *Using Authentic Materials in Teaching English as a Foreign Language*. Vienna: DAAM International Publishing.

14. Marshall, C., & Rossman, G. B. (1995). *Designing Qualitative Research*. London: Sage Publications.
15. Creswell, J. W. (2010). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson / Merrill Education.
16. Abu A'lam, Rajaa' Mahmud. (2007). *Manahijul Bahth fi al-U'lum an-Nafsiyyah wa at-Tarbawiyyah*. 6<sup>th</sup> ed, Cairo: Dar an-Nasyr li al-Jamia't.

**Citation in Malay**

Nor Zahidah Ahmad., & Muhammad Anas al Muhsin. (2019). Analisis keperluan bahasa Arab untuk pegawai Shariah di bank-bank Islam di Malaysia: Idea untuk Pendidikan 4.0. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 246-257. <https://doi.org/10.33306/mjssh/18>

**Citation in English**

Nor Zahidah Ahmad., & Muhammad Anas al Muhsin. (2019). Need analysis Arabic language module for Shari 'ah officers in Islamic banks in Malaysia: ideas to align with Education 4.0. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 246-257. <https://doi.org/10.33306/mjssh/18>